

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jika Kementerian bercadang untuk menurunkan kadar bayaran hospital bagi golongan pelarian dan pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua,

Fi rawatan untuk pesakit warga asing baru dikaji semula dan dikuatkuasakan mulai tahun 2015. Oleh itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak bercadang untuk mengkaji semula lagi fi tersebut samada untuk menurunkan atau menaikkannya dalam masa terdekat. Bagi pelarian UNHCR yang berdaftar dan mempunyai kad UNHCR, fi yang dikenakan adalah pada kadar 50% daripada kadar warga asing.